



MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM



MBSA 2018

KANDUNGAN

JAN

- 3 Pertandingan Boling Silaturahmi Antara Pengurusan MBSA, Ahli Majlis dan Media Massa
- 7 Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA Kali Pertama

FEB

- 11 Majlis Pelancaran Aplikasi 'Scan And Pay' Compound

MAC

- 15 Hari Bertemu Pelanggan Peringkat MBSA
- 19 Majlis Pelancaran Pusat Kitar Semula
- 23 Kejohanan Lumba Basikal KRITERIUM Shah Alam
- 27 Program Sambutan *Earth Hour* Peringkat MBSA

APR

- 31 Program #Shah Alam Quran Hour
- 35 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

MEI

- 39 Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan #weloveshahalam
- 43 Program Bazar Ramadan Mampan Negeri Selangor

JUN

- 47 Majlis Iftar Jamaie
- 51 Program Edaran Topi Keledar Sempena Kempen Selamat Balik Kampung
- 55 Jamuan Hari Raya Aidilfitri MBSA

JUL

- 59 Program Kesedaran ICT MBSA
- 63 Majlis Budi Disanjung Jasa Dikenang Bersama Mantan Timbalan Datuk Bandar dan Ahli Majlis Sesi 2016/2017
- 67 Majlis Penyerahan Tiket *The Sultan Of Selangor's Cup*
- 71 Seminar Pengurusan Strata
- 75 Majlis Angkat Sumpah Ahli-Ahli Majlis Sesi 2018/2020

OGOS

- 79 Bengkel Rancangan Tempatan (Penggantian) 2035
- 83 Program Penanaman Pokok *Shah Alam Trees For Life*
- 87 Majlis Pelancaran Aplikasi 'SnapNPay'

SEP

- 91 Majlis Ramah Mesra Sukan Angkat Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) Perak
- 95 Bengkel Bajet 2019 Bersama Komuniti Shah Alam



KANDUNGAN

OKT

- 99 Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18
- 103 Shah Alam Enduride
- 107 Penyerahan Cenderahati Kelahiran Bayi Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18
- 111 Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18
- 115 Shah Alam Soccer Kids Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18
- 119 Hari Mesra MBSA Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18
- 123 Karnival Sukan Bendang MPP
- 127 Majlis Forum Perdana Hal Ehwal Islam MBSA

- 131 Majlis Perasmian Jambatan Kanopi, Menara Tinjau Dan Trek Basikal Kanak-Kanak Taman Tasik Shah Alam
- 135 Kejohanan Dart Beregu Terbuka Piala Datuk Bandar Shah Alam
- 139 Program Jualan Sayur Petik Sendiri Dari Ladang Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandar Raya Shah Alam Ke-18
- 143 MBSA Raih Anugerah Diamond di IGEM AWARD Dan Anugerah Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor

NOV

- 147 Program Bicara Pagi Integriti Sempena Sambutan Bulan Integriti
- 151 Seminar Sistem Kendiri Pemeriksaan Kebersihan Premis Makanan Gred A di Kawasan MBSA

- 155 MBSA Raih Tempat Pertama Bagi 3 Kategori *Di Malaysian Institute Of Planners Planning Excellence Awards (MIPPEA)*

DIS

- 159 Karnival Pengguna Bebas Plastik dan 'Food Truck' Peringkat MBSA
- 163 Seminar *Knowledge Sharing "Inovasi Pemantapan Hasil & Perakaunan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)"*
- 167 Minizeebie Urban Forum
- 171 Bengkel Pemurnian Pengurusan Aduan Awam
- 175 Program Pasar Bunga dan Pertandingan Memancing Shah Alam






PERTANDINGAN BOLING SILATURAHIM ANTARA PENGURUSAN MBSA, AHLI MAJLIS DAN MEDIA MASSA

MBSA sentiasa komited dalam memperkasakan hubungan bersama pihak media yang selama ini banyak membantu meningkatkan lagi imej melalui paparan berita berkaitan aktiviti dan program MBSA. Program ini dianjurkan bagi mengeratkan lagi hubungan antara pihak pengurusan MBSA, Ahli Majlis dan Media Massa.









MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN MBSA KALI PERTAMA

Majlis Perhimpunan Bulanan Kali Pertama bagi tahun 2018 telah dihoskan oleh Jabatan Kejuruteraan pada 30 Januari 2018. Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA diadakan bagi memperkasakan pentadbiran serta mengeratkan hubungan sesama warga kerja dan pihak pengurusan.









MAJLIS PELANCARAN APLIKASI 'SCAN AND PAY' COMPOUND

MBSA telah memperkasakan sistem bayaran bagi memudahkan Orang Kena Kompaun (OKK) membuat pembayaran dengan memperkenalkan aplikasi 'Scan & Pay Compound' iaitu kaedah pembayaran kompaun melalui aplikasi Flexi Parking.









HARI BERTEMU PELANGGAN PERINGKAT MBSA

Program Hari Bertemu Pelanggan merupakan platform kepada orang ramai khususnya warga Shah Alam untuk bertemu dengan pihak pengurusan atasan MBSA bagi menyalurkan aduan dan permasalahan yang berlaku di kawasan pentadbiran MBSA serta merupakan komitmen berterusan pihak Majlis untuk mempertingkatkan dan memperbaiki sistem penyampaian.









MAJLIS PELANCARAN PUSAT KITAR SEMULA

Pusat Kitar Semula yang berkonsepkan moden dan menerapkan elemen kehijauan di Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam ini merupakan hasil kerjasama MBSA dan syarikat 99 Speed Mart Sdn Bhd yang telah menyumbang sebanyak RM500,000 melalui hasil kutipan dana beg plastik yang telah dilaksanakan. Pusat Kitar Semula ini merangkumi 3 seksyen iaitu Pejabat, Galeri dan Pusat Pengumpulan.









KEJOHANAN LUMBA BASIKAL KRITERIUM SHAH ALAM

Pertandingan ini merupakan salah satu usaha MBSA untuk membuka peluang kepada semua golongan di Shah Alam terus bergiat aktif dalam aktiviti sukan berbasikal seterusnya menggalakkan masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas.










PROGRAM SAMBUTAN *EARTH HOUR* PERINGKAT MBSA

MBSA telah mengadakan Program 60+ Earth Hour yang bertempat di Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14, Shah Alam, sebagai simbolik sokongan terhadap usaha World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia untuk menyelamatkan bumi daripada pencemaran alam sekitar.









PROGRAM *#SHAH ALAM* *QURAN HOUR*

Program ilmu ini diadakan bertujuan untuk melahirkan masyarakat Shah Alam yang celik Al-Quran serta sejajar dengan matlamat MBSA untuk mewujudkan masyarakat madani yang beradab, menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dan berkeperibadian mulia.











ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dianjurkan setiap tahun bagi menghargai jasa dan komitmen kakitangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang, di samping mengangkat peranan MBSA sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, khususnya warga Shah Alam.










SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN *#WELOVESHAAHALAM*

MBSA telah menganjurkan “We Love Shah Alam Fun Walk” di Dataran Kemerdekaan Shah Alam yang berjaya menarik penyertaan seramai 1000 orang peserta. Program ini untuk menyemarakkan semangat cintakan bandar raya Shah Alam kepada para peserta.









PROGRAM BAZAR RAMADAN MAMPAN NEGERI SELANGOR

Program ini diadakan untuk memberi kesedaran awam kepada masyarakat tentang kepentingan pengurangan penggunaan beg plastik serta penguatkuasaan pematuhan larangan penggunaan polistirena di Negeri Selangor. Langkah ini akan dapat membantu mengawal pencemaran alam sekitar akibat daripada pembuangan plastik dan polistirena yang tidak teratur.











MAJLIS IFTAR JAMAIE

Majlis Iftar Jamaie merupakan inisiatif MBSA untuk membantu kakitangan yang kurang berkemampuan bagi meringankan beban sepanjang bulan Ramadan. Pihak MBSA turut memberi sumbangan kepada pelajar-pelajar Tahfiz dan juga pihak media.









PROGRAM EDARAN TOPI KELEDAR SEMPENA KEMPEN SELAMAT BALIK KAMPUNG

Sebanyak 500 unit topi keledar dewasa dan 100 unit topi keledar kanak-kanak telah diberikan secara percuma kepada orang ramai melalui sumbangan daripada pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dalam Kempen Selamat Balik Kampung tahun 2018 yang telah diadakan di Jalan Opera, TTDI Jaya Seksyen U2, Shah Alam.










JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MBSA

Jamuan Hari Raya Aidilfitri MBSA dianjurkan bagi memperkasakan hubungan silaturahim antara pihak MBSA dan stakeholders seperti pimpinan Kerajaan Negeri, Agensi/Jabatan Kerajaan, anak syarikat Kerajaan Negeri, pemaju, perunding, sektor korporat dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Shah Alam.









PROGRAM KESEDARAN ICT MBSA

Program Kesedaran ICT MBSA diadakan bagi membantu warga kerja MBSA memahami dan meningkatkan keselamatan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan MBSA. Pelaksanaan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat (ICT) bagi melindungi aset teknologi maklumat seperti data, peralatan, rangkaian, kemudahan ICT serta sumber manusia yang menguruskan aset-aset teknologi maklumat ini.









»» MAJLIS BUDI DISANJUNG JASA DIKENANG BERSAMA MANTAN TIMBALAN DATUK BANDAR DAN AHLI MAJLIS SESI 2016/2017

Majlis ini diadakan bagi menghargai jasa dan komitmen yang telah diberikan oleh Ahli Majlis yang telah berkhidmat di MBSA untuk sesi 2016/2017. Pada masa yang sama, turut diraikan adalah Tuan Shukri bin Mohamad Hamin, mantan Timbalan Datuk Bandar Shah Alam yang telah bertukar ke Majlis Daerah Hulu Selangor.










MAJLIS PENYERAHAN TIKET *THE SULTAN OF SELANGOR'S CUP*

Majlis Penyerahan Tiket Perlawanan The Sultan of Selangor's Cup telah diadakan di Auditorium MBSA bersempena Majlis Perhimpunan Bulanan MBSA Kali Ke-6 pada 23 Julai 2018.









SEMINAR PEGURUSAN STRATA

Seminar ini diadakan untuk memberikan pendedahan secara menyeluruh kepada pihak Pengurusan Bangunan Berstrata iaitu Badan Pengurusan Bersama atau 'Joint Management Body' (JMB), Perbadanan Pengurusan atau 'Management Corporation' (MC) dan Pemaju terhadap peranan dan tanggungjawab Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS).










MAJLIS ANGKAT SUMPAAH AHLI-AHLI MAJLIS SESI 2018/2020

MBSA telah menerima 24 orang Ahli Majlis yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk berkhidmat di kawasan pentadbiran MBSA bagi penggal 2018-2020. Majlis Angkat Sumpah dan Menandatangani Surat Akujanji ini telah disaksikan oleh YBhg. Dato' Haji Ahmad Zaharin bin Mohd Saad, Datuk Bandar Shah Alam.









BENGKEL RANCANGAN TEMPATAN (PENGgantian) 2035

Bengkel ini dilaksanakan untuk mendapatkan input, pengesahan data, perancangan semasa dan akan datang infrastruktur, guna tanah, landskap, kemudahan awam untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Tempatan MBSA (RT MBSA) 2035 bersama Jabatan serta agensi teknikal luaran dan dalaman MBSA.









PROGRAM PENANAMAN POKOK SHAH ALAM *TREES FOR LIFE*

Program Shah Alam Trees For Life merupakan inisiatif dan kerjasama pihak MBSA bersama syarikat swasta untuk menghijaukan landskap bandar raya Shah Alam. Sumbangan turut diberikan oleh syarikat swasta yang terlibat kepada pihak MBSA.









MAJLIS PELANCARAN APLIKASI 'SNAPNPAY'

Aplikasi 'SnapNPay' dapat memudahkan pengguna membuat bayaran kompaun dan cukai taksiran tanpa perlu memasukkan nombor akaun dan jumlah bayaran. Selain itu, pengguna juga boleh membuat bayaran tunggakan Majlis yang merangkumi urusan seperti cukai taksiran, kompaun, bil sewaan, bil air, bil elektrik, lot kosong (kos pembersihan) dan bayaran lesen.









»» MAJLIS RAMAH MESRA SUKAN ANGKAT SEMPENA SUKAN MALAYSIA (SUKMA) PERAK

Sempena Sukan Malaysia (SUKMA) yang berlangsung di Ipoh, Perak, MBSA telah dipertanggungjawabkan untuk menjadi bapa angkat kepada acara sukan iaitu Akuatik (Renang & Terjun), Gimnastik dan Gimrama. Selaku bapa angkat bagi acara sukan ini, pihak MBSA turut membantu dan memberi kerjasama dari segi kemudahan logistik semasa latihan, persediaan kejohanan dan semasa kejohanan berlangsung.









BENGKEL BAJET 2019 BERSAMA KOMUNITI SHAH ALAM

Bengkel Bajet 2019 Bersama Komuniti Shah Alam diadakan bagi membincangkan dan mendapatkan input-input serta cadangan dari komuniti daripada pelbagai organisasi dan persatuan agar hala tuju bajet MBSA 2019 mengambil kira pandangan masyarakat yang ada di kawasan pentadbiran MBSA.







MAJLIS BACAAN YASSIN & DOA SELAMAT SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-18

Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat ini merupakan tanda kesyukuran kerana bandar raya Shah Alam sentiasa berada dalam keadaan yang harmoni, sejahtera dan mampan. Program ini juga adalah program berteraskan pengisian kerohanian dan merapatkan ukhuwah antara pihak MBSA dan warga Shah Alam.









SHAH ALAM *ENDURIDE*

MBSA amat komited dalam melaksanakan program berbasikal yang menjadi trend kepada golongan belia. Program ini juga merupakan platform MBSA untuk menganjurkan acara berbasikal bertaraf antarabangsa selaras dengan usaha untuk menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya sukan.









PENYERAHAN CENDERAHATI KELAHIRAN BAYI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-18

Kunjungan ke Hospital Shah Alam ini merupakan salah satu aktiviti Sempena Sambutan Ulang Tahun Bandaraya Shah Alam Ke-18 untuk meraikan bayi yang dilahirkan pada tarikh 10 Oktober 2018 iaitu tarikh yang sama dengan sambutan ulang tahun bandar raya Shah Alam.









PROGRAM SHAH ALAM HARI TANPA KENDERAAN SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-18

Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan bulan Oktober diadakan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti acara berbasikal, acara berjalan kaki, senamrobik, senaman taichi dan pemeriksaan kesihatan percuma.









SHAH ALAM *SOCCER* *KIDS* SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-18

Penganjuran Karnival Soccerkids memberi peluang kepada pemain-pemain muda untuk menonjolkan bakat supaya boleh digilap dan dapat melahirkan pemain pelapis bola sepak yang berpotensi untuk mewakili negara dalam kejohanan bola sepak yang lebih berprestij.









HARI MESRA MBSA SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-18

Pelaksanaan Program Hari Mesra MBSA ini adalah sebagai platform kepada orang ramai khususnya warga kota Shah Alam untuk bertemu dengan pihak pengurusan MBSA bagi menyalurkan aduan dan permasalahan yang dialami di kawasan pentadbiran MBSA. Selain itu, program ini juga merupakan komitmen berterusan pihak Majlis untuk mempertingkatkan serta memperbaiki sistem penyampaian.









KARNIVAL SUKAN BENDANG MPP

Karnival Sukan Bendang MPP Shah Alam merupakan aktiviti yang dirancang khas untuk komuniti Shah Alam berbentuk kesukanan di mana sukan semasa dan tradisional digabungkan. Program ini melibatkan penyertaan daripada 24 zon MPP di kawasan pentadbiran MBSA.










MAJLIS FORUM PERDANA HAL EHWAL ISLAM MBSA

Program ini dianjurkan bertujuan untuk melahirkan komuniti Shah Alam yang berilmu, beriman dan bertakwa. Melalui program ilmiah ini, secara tidak langsung dapat memberikan pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan modal insan kepada generasi akan datang.









MAJLIS PERASMIAN JAMBATAN KANOPI, MENARA TINJAU DAN TREK BASIKAL KANAK-KANAK TAMAN TASIK SHAH ALAM

Majlis perasmian Jambatan Kanopi, Menara Tinjau dan Trek Basikal Kanak-Kanak Taman Tasik Shah Alam telah disempurnakan oleh DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Raja Muda Selangor pada 27 Oktober 2018.









KEJOHANAN DART BEREGU TERBUKA PIALA DATUK BANDAR SHAH ALAM

Penganjuran Kejohanan Dart Beregu yang julung kali diadakan ini bagi memberi peluang kepada pemain-pemain muda untuk menonjolkan bakat dan dapat melahirkan pemain dart yang boleh mewakili negeri dan negara dalam Kejohanan Dart yang lebih berprestij.









PROGRAM JUALAN SAYUR PETIK SENDIRI DARI LADANG SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDAR RAYA SHAH ALAM KE-18

Program Jualan Sayur Petik Sendiri Dari Ladang ini adalah sebagai platform kepada komuniti setempat untuk mendapatkan sayur-sayuran dengan lebih murah dan segar. Di samping itu, program ini juga boleh memberi sumber pendapatan tambahan kepada persatuan penduduk melalui hasil jualan sayuran kebun komuniti ini.









MBSA RAIH ANUGERAH DIAMOND DI IGEM AWARD DAN ANUGERAH SEMPENA SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Pengiktirafan 'Diamond' telah diberikan kepada MBSA berdasarkan keputusan pengukuran karbon yang telah dibuat menggunakan 'baseline' 2015 sehingga tahun 2017. Manakala pada 30 Oktober 2018, MBSA telah menerima Anugerah Pembangunan Komuniti Sejahtera Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Negeri Selangor.










PROGRAM BICARA PAGI INTEGRITI SEMPENA SAMBUTAN BULAN INTEGRITI

Pelaksanaan Program Bicara Pagi Integriti ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran serta kefahaman mengenai integriti dalam bidang pekerjaan serta memberikan ruang dan peluang kepada warga kerja MBSA untuk berkongsi idea dan pengalaman bersama panel yang membicarakan topik berkaitan integriti.










SEMINAR SISTEM KENDIRI PEMERIKSAAN KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN *GRED A* DI KAWASAN MBSA

Seminar Sistem Kendiri Pemeriksaan Kebersihan Premis Makanan Gred A dianjurkan bagi menggalakkan para pemilik premis untuk memperbaiki lagi tahap kebersihan khususnya semasa penyediaan makanan.










MBSA RAIH TEMPAT PERTAMA BAGI 3 KATEGORI DI *MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS PLANNING EXCELLENCE AWARDS (MIPPEA)*

MBSA telah mendapat tempat pertama dalam '*LCCF Implementation City Base, Shah Alam City Centre Section 14*' bagi kategori Anugerah *Low Carbon City (Overall Approach)*, tempat pertama dalam kategori *Place Making and Public Space Award (Public Sector)* bagi projek Perpustakaan Anggerik Vanilla (PAV) dan tempat pertama dalam kategori *Community Based Planning Award* bagi penyertaan MBSA *Youth Garage*.











KARNIVAL PENGGUNA BEBAS PLASTIK DAN 'FOOD TRUCK' PERINGKAT MBSA

Karnival ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan pengurangan penggunaan beg plastik dan menggalakkan penggunaan beg mesra alam (biodegradable), meningkatkan kesedaran tentang keselamatan makanan, kesedaran kitar semula serta menyampaikan maklumat mengenai hal ehwal kepenggunaan.










SEMINAR *KNOWLEDGE SHARING* “INOVASI PEMANTAPAN HASIL & PERAKAUNAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)”

Seminar ini bertujuan untuk menyediakan ruang dan peluang antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia berkongsi idea dan pengalaman berkaitan hasil-hasil baru PBT. Selain itu, seminar ini turut membincangkan, meningkatkan kefahaman serta mengetengahkan isu-isu dan cabaran berkaitan Pensijilan *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)*.











MINIZEEBEE URBAN FORUM

Forum ini merupakan platform MBSA untuk berkongsi idea dan bertukar pendapat mengenai Agenda Pembangunan Mampan di peringkat global yang berkait rapat dengan program bersama komuniti iaitu 'Minizeebbee'. Ia adalah berdasarkan garis panduan Pembangunan Kejiranan Hijau yang menekankan aspek-aspek elemen hijau dalam kehidupan seharian seperti program kebun bandar, bandar selamat, penjimatan tenaga dan air, pengasingan sampah, kitar semula dan lain-lain.










BENGKEL PEMURNIAN PENGURUSAN ADUAN AWAM

Bengkel Pengurusan Aduan ini bertujuan untuk memperkasakan lagi pengurusan aduan awam bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian MBSA.










PROGRAM PASAR BUNGA DAN PERTANDINGAN MEMANCING SHAH ALAM

Program Pasar Bunga Shah Alam merupakan komitmen berterusan pihak MBSA untuk mendidik komuniti menghargai suasana hijau serta menikmati keindahan landskap di Taman Tasik Shah Alam. Pertandingan memancing pula merupakan platform MBSA untuk menggalakkan aktiviti rekreasi kepada komuniti khususnya warga Shah Alam.









Diterbitkan oleh:

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam

korporat@mbsa.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Tingkat G, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran, Peti Surat 7200.
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Talian Am

03-5510 5133

Faks

03-5510 8010

Talian Aduan Bebas Tol

1800 88 4477

Emel

korporat@mbsa.gov.my

Facebook

www.facebook.com/shahalamcitycouncil

Twitter

www.twitter.com/sacitycouncil

Laman Web

www.mbsa.gov.my